



SHIRAZ ALI | BERITA HARIAN

TERSEKAT: Penghadang yang dibina DBKL untuk mengalirkan air ke rumah pam bagi mengelakkan masalah banjir di kawasan berkenaan.

Salak Selatan digenangi air

Penghadang dibina DBKL sejak dua tahun lalu punca laluan air ke rumah pam tersekat kerana salurannya sempit

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Bagi penduduk dan peniaga di Pekan Salak Selatan dekat sini, tiada apa yang lebih menggembirakan hati mereka selain daripada masalah banjir kilat yang membelenggu sejak beberapa tahun lalu dapat diatasi segera.

Sehingga kini penduduk di kawasan berkenaan masih lagi meneka dalam kesamaran kerana belum ada satu penyelesaian dicapai untuk memastikan mimpi ngeri mereka itu berakhir.

Penduduk mendakwa, sejak dua tahun kebelakangan ini, setiap kali hujan lebat, kawasan itu termasuk kediaman mereka akan dinaiki air ada masanya sehingga ke paras dada berikutan limpahan air daripada parit yang terletak di dalam kawasan pekan itu.

Parit berkenaan membawa air ke Sungai Kerayong.

Mereka berkata, ia adalah masalah baru kerana sejak puluhan tahun lalu kawasan terbabit tidak pernah dinaiki air, dan masalah ini sering mengganggu ketenangan hidup mereka.

Tinjauan *Sentral* di kawasan itu baru-baru ini mendapati, penghadang yang dibina sejak dua tahun lalu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di parit itu menyebabkan laluan air ke rumah pam tersekat kerana salurannya sempit sekali gus mengakibatkan air melimpah, terutama ketika hujan lebat.

Sehubungan itu, penduduk mencadangkan supaya penghadang berkenaan dirobohkan kerana mendakwa ia adalah punca sebenar banjir berlaku di kawasan mereka.

Penduduk, Wong Chee Kheong, 54, berkata kadang kala rumah pam yang berperanan merawat air juga gagal berfungsi menyebabkan penduduk terpaksa berhadapan dengan banjir besar setiap kali hujan lebat.

Beliau berkata, sejak puluhan tahun lalu, Pekan Salak Selatan tidak pernah ditenggelami air, namun sejak penghadang itu dibina kehidupan penduduk

dan peniaga di kawasan pekan itu turut berubah.

"Tahun ini saja sudah beberapa kali banjir dan dalam kejadian terbaru kedai saya dimasuki air sehingga paras dada. Saya terpaksa menanggung kerugian apabila mesin welding rosak terkena air," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu ditemui pada sesi taklimat dan lawatan kerja yang dilakukan Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Yew Teong Look di kawasan berkenaan, baru-baru ini.

Lawatan itu turut dihadiri Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan, Abdullah Isnin dan wakil teknikal DBKL bagi mencari penyelesaian berhubung banjir di kawasan berkenaan.

Pengusaha kedai cermin, Lai Tin Sang, 58, berkata dia menetap di Pekan Salak Selatan sejak 38 tahun lalu tetapi tidak pernah mengalami masalah banjir sehinggalah sejak dua tahun kebelakangan ini.

"Banjir pada April lalu saya rugi sehingga RM30,000 dan kali ini saya mengalami kerugian lebih RM40,000. Bayangkan berapa lagi kerugian yang saya dan peniaga lain terpaksa tanggung setiap kali banjir," katanya.

“Setiap kali hujan hati saya menjadi tidak keruan. Dulu kalau hujan tidak pula berlaku banjir tetapi sekarang, hujan sikit air sudah melimpah”

Lai Tin Sang
Pengusaha kedai cermin

Chan Lin Ping, 30 berkata, kini hanya tinggal tidak kurang 100 penduduk yang masih menetap di Pekan Salak Selatan. Bagaimanapun, tidak lama lagi penduduk terbabit akan dipindahkan ke kediaman baru di Flat Sungai Besi.

"Saya tidak tahu sehingga bila kami akan terus berdepan dengan masalah ini. Kami tidak sanggup lagi untuk terus berhadapan dengan situasi ini setiap kali hujan lebat.

"Apabila hujan hati kami sudah berdebar. Kami perlu bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dengan mengemas peralatan dan barangan ke tempat yang lebih selamat," katanya.

Sementara itu, Yew berkata, penduduk perlu mengadakan perbincangan dan menghantar memorandum kepada DBKL sekiranya mereka masih mahu meneruskan hasrat merobohkan penghadang terbabit.

"Mereka perlu berbincang sesama mereka terlebih dulu dan menghantar memorandum ini kepada DBKL. Kita tidak mahu sebarang masalah timbul kelak.

"Penghadang itu bertujuan mengatasi masalah banjir dan kita tidak nampak sebarang kegagalan dengan penghadang atau rumah pam yang dibina itu," katanya.

FAKTA

Banjir di Pekan Salak Selatan

- Penduduk mendakwa penghadang yang dibina DBKL sejak dua tahun lalu menyebabkan laluan air ke rumah pam tersekat kerana salurannya sempit sekali gus mengakibatkan air melimpah dan kediaman dinaiki air terutama ketika hujan lebat.
- Penduduk mencadangkan supaya penghadang berkenaan dirobohkan kerana mendakwa ia adalah punca sebenar banjir berlaku di kawasan mereka.



BUKTI: Lai (kiri) dan Wong menunjukkan gambar yang diambil ketika banjir di kawasan berkenaan.



SIASAT: Yew (dua dari kiri) bersama wakil DBKL dan penduduk meninjau kawasan banjir di Pekan Salak Selatan baru-baru ini.